

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT

TARIKH : 03 DISEMBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 10

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah mekanisme terbaik yang dilakukan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah pertikaian antara teksi dan 'Grab'.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan kepada Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010 bagi memberikan kuasa kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) / Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing* telah mendapat kelulusan Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong dan telah dikuatkuasakan bermula 12 Julai 2018 bersama-sama peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang berkaitan. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat *e-hailing* diberikan tempoh (12) bulan dari tarikh kuat kuasa untuk mendaftarkan perniagaan mereka dengan SPAD/APAD.
2. Kebanyakan pemandu teksi menerima baik cadangan Kerajaan untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing*, dengan pelaksanaan dasar terbaik bagi kedua-dua perkhidmatan. Penambahbaikan ini menekankan peningkatan kualiti dan mutu perkhidmatan teksi dengan mengambil kira aspek kualiti pemandu teksi.
3. Beberapa mekanisme terbaik telah diluluskan dan sedang dilaksanakan oleh S.P.A.D dalam memastikan industri teksi di negara ini mampu bergerak seiring perkhidmatan *e-hailing* dan akan dilaksanakan secara berperingkat adalah seperti berikut:
 - i. Pengawalseliaan perkhidmatan *e-hailing* akan membolehkan SPAD menetapkan syarat serta piawaian seperti pemandu teksi konvensional:-
 - a. syarikat penyedia aplikasi *e-hailing* hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - b. syarikat penyedia aplikasi *e-hailing* hendaklah menyediakan insurans yang melindungi penumpang, pemandu, kenderaan dan pihak ketiga;

NO. SOALAN: 10

- c. Pengendali *e-hailing* perlu memohon Lesen Perniagaan Perantaraan (LPP) yang telah dibuka bermula 1 November 2018 sehingga 12 Julai 2019 (tarikh berkuatkuasa sepenuhnya) dan mereka perlu membayar fi untuk setiap kenderaan yang didaftarkan;
 - d. Pemandu perlu menghadiri latihan pemandu bagi mendapatkan Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam (*Public Service Vehicle License* “PSV”) dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan memohon untuk mendapatkan Kad Pemandu/e-Kad Pemandu yang dikeluarkan oleh SPAD; dan
 - e. kenderaan juga perlu menjalani pemeriksaan berkala di PUSPAKOM setahun sekali untuk kenderaan berusia lebih 3 tahun.
- ii. Memperkenalkan proses saringan pemandu yang lebih menyeluruh dan efektif melalui saringan PDRM, pemeriksaan kesihatan dan lain-lain;
 - iii. Membuka lebih banyak pilihan model dan jenis kenderaan yang mencapai penarafan keselamatan tiga (3) bintang di bawah Program Penilaian Kereta Baharu ASEAN (NCAP) atau setaraf dengannya untuk dijadikan teksi bagi memberikan keselesaan kepada penumpang dengan kenderaan yang lebih luas dan selesa;
 - iv. Pemberian Lesen Individu dan Geran Tunai Kerajaan bagi pemandu Teksi dan Kereta Sewa yang telah tamat kontrak dalam sistem pajak sebagai subsidi kos untuk pembelian kenderaan baharu. Sehingga 22 November 2018, SPAD telah meluluskan sebanyak 3,120 lesen individu dan 789 Geran Tunai Kerajaan;
 - v. Kerajaan menggalakkan penggunaan sistem *e-hailing* di kalangan pemandu teksi bagi menambah pendapatan.

NO. SOALAN: 10

Berdasarkan maklumat yang diterima daripada syarikat *e-hailing* sehingga kini, terdapat peningkatan pendapatan pemandu sebanyak RM3000 hingga RM5000 sebulan. Pemandu Teksi yang menggunakan perkhidmatan *e-hailing* sehingga kini adalah sebanyak 12,741 pemandu daripada 11 pengendali *e-hailing* seperti EzCab, EEVOM, Zepp On, DIffride, PickNGo, Grab, Unicablink, Dacsee, Need Taxi, MyCar dan U-car;

- vi. SPAD dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan memperkenalkan modul latihan yang baharu kepada pemandu teksi dan *e-hailing* yang akan merangkumi latihan untuk keusahawanan dan teknologi, khidmat pelanggan cemerlang dan undang-undang, dasar dan garis panduan. S.P.A.D percaya dengan adanya modul latihan yang baharu ini dapat menggalakkan pemandu teksi untuk menggunakan *e-hailing* dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan pendapatan dengan khidmat pelanggan yang cemerlang. Pengendali perkhidmatan Teksi dan *e-hailing* akan dibenarkan untuk menjalankan pusat latihan bagi pemandu Teksi dan *e-hailing* dan mestilah berdaftar dengan JPJ sepertimana Institut Pemandu (IM). Buat masa ini, hanya Institut Memandu yang berdaftar sahaja dibenarkan menjalankan latihan bagi pemandu Teksi dan *e-hailing*;
- vii. Membenarkan penggunaan kadar tambang dinamik kepada pemandu teksi konvensional yang menggunakan aplikasi bagi menambah pendapatan. Pemandu teksi diberi pilihan untuk mendapatkan penumpang secara tahanan jalan '*street hail*' dengan pembayaran secara kadar bermeter atau secara '*e-hailing*' menggunakan kadar tambang dinamik (kadar tetap atas talian);
- viii. Pengecualian Kaedah 37(A), Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembuatan dan Penggunaan) 1959 yang telah berkuatkuasa pada 11 Disember 2017 dengan memberi pengecualian terbuka kepada semua model kenderaan dan

NO. SOALAN: 10

pemeriksaan kenderaan bagi kenderaan baharu yang telah bermigrasi bermula pada 31 Mac 2017; dan

- ix. Kadar komisen yang boleh diambil oleh Pengendali *e-hailing* juga ditetapkan kepada 10% bagi pemandu kenderaan Teksi manakala 20% bagi pemandu kenderaan persendirian.

Sekian, terima kasih.

Diselaraskan oleh :

PSU(PJ)1

Disemak oleh:

KPSU(PJ)

Dipersetujui oleh:

SUB(LPD)